



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : QAWAID FIQHIYYAH  
KOD KURSUS : DPI2153  
PEPERIKSAAN : APRIL 2019  
MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Manakah antara pernyataan berikut **bukan** kepentingan ilmu Kaedah Fiqh?
  - A Panduan dan asas untuk istinbat hukum.
  - B Jalan memahami hakikat fiqh dan rahsia-rahsiannya.
  - C Menjadi mulia dan tinggi kedudukan apabila menguasainya.
  - D Mampu menetapkan hukum sendiri bagi setiap masalah yang berlaku.
  
2. Apakah sumber hukum yang digunakan pada zaman sahabat Rasullullah SAW?
  - i. Ijmak
  - ii. Sunnah
  - iii. Qiyas
  - iv. Al-Quran
  - A i, ii
  - B i, iii
  - C ii, iv
  - D i, ii, iii
  
3. Apakah tujuan Mu'az bin Jabal diutus ke Yaman?
  - A Menyampaikan wahyu.
  - B Menyelesaikan perselisihan para ulama.
  - C Menyebarkan dan mengajarkan agama.
  - D Menetapkan hukum yang diperselisihkan.
  
4. Manakah antara berikut surah yang menjelaskan pengharaman arak secara mutlak?
  - A Surah ar-Rum ayat 21
  - B Surah al-Maidah ayat 90-91
  - C Surah an-Nisa ayat 43
  - D Surah al-Baqarah ayat 219

5. Apakah kitab Usul Fiqh pertama yang ditulis oleh Imam Syafi'i?
- A *al-Haraj*
  - B *al-Asal*
  - C *al-Umm*
  - D *al-Risalah*
6. Apakah kaedah Fiqh yang pertama muncul pada zaman *tabi' tabi'in*?
- A *al-adah muhakkamah*
  - B *al-masyaqqah tajlib taisir*
  - C *la dharar wa la dhirar*
  - D *al-yakni la yuzal bisyak*
7. Antara berikut, sumber rujukan yang manakah digunakan dalam mazhab Hanbali?
- A *Qawaid Nuraniyyah*
  - B *Al-Furuq*
  - C *Taksis al-Nazar*
  - D *Usul al-Fitya fi al-Fiqh*
8. Pada zaman pemerintahan siapakah pengkhususan dan pengkanunan fiqh berlaku?
- A Abu Tahir al-Dabbas
  - B Al-Ghazi Abd al-Aziz Khan al-Uthmani
  - C Ibn Qadi al-Jabal
  - D Muhammad bin Haris bin Asad
9. Pihak berkuasa telah merampas sindiket video lucah di sebuah pusat hiburan dengan tujuan ingin merosakkan video lucah tersebut bagi mengelakkan berlakunya gejala sosial yang berleluasa.
- Apakah kaedah hukum furu' ini?
- A Keyakinan tidak hilang dengan keraguan.
  - B Setiap perkara dinilai berdasarkan niat.
  - C Bahaya mesti dihapuskan.
  - D Adat dijadikan hakim.

10. Antara kaedah yang berikut, yang manakah adalah pecahan daripada kaedah "*al-Umur bi Maqosidiha*"?

- A Keadaan darurat ditentukan menurut kadarnya.
- B Apa yang ada semenjak dahulu, dibiarkan atas kedahuluannya.
- C Asal segala sesuatu itu tiada.
- D Amalan fardhu terlaksana dengan niat sunat.

11. Antara berikut yang manakah merupakan kategori syak?

- i. Lahir daripada asal atau dasar yang harus.
- ii. Dapat dipastikan asal sumbernya.
- iii. Tidak dapat dipastikan asal atau sumbernya.
- iv. Tidak dapat dipastikan sejarahnya.

- A i, ii
- B i, iii
- C ii, iv
- D i, ii, iii

12. Apakah maksud "*Al-Qodimu Yutroku ala Qidamihi*"

- A Apa yang ada semenjak dahulu, dibiarkan atas kedahuluannya.
- B Asal kekal sesuatu itu mengikut apa yang ada sebelumnya.
- C Asalnya seseorang bebas daripada tanggungjawab.
- D Asal itu apabila terdedah kepada dalil yang bertentangan dengannya, terbatal.

13. Pak Saim telah dibenarkan mengairi sawahnya dengan menggunakan terusan yang ada di tanah Pak Jamian di mana ianya telah berlaku semenjak sekian lama. Pak Jamian tidak berhak melarang pengairan yang dilakukan oleh Pak Saim walaupun dia tidak mengetahui sejarah asal mulanya.

Apakah kaedah pecahan hukum furu' ini?

- A Apa yang ada semenjak dahulu, dibiarkan atas kedahuluannya.
- B Asal kekal sesuatu itu mengikut apa yang ada sebelumnya.
- C Asal itu apabila terdedah kepada dalil yang bertentangan dengannya, terbatal.
- D Asalnya seseorang bebas daripada tanggungjawab.

14. Zainal bersolat dengan berwuduk daripada sebuah perigi selama beberapa hari, pada hari berikutnya dia mendapati ada bangkai dalam perigi itu. Apakah kaedah yang boleh digunakan oleh Zainal untuk meyakinkan bahawa dirinya tidak perlu menggantikan kesemua solatnya yang sudah ditunaikan?
- A Asal sesuatu adalah harus, hinggalah ada dalil menunjukkan pengharamannya.
  - B Asal setiap yang berlaku diambil kira masa paling hampir.
  - C Asal itu apabila terdedah kepada dalil yang bertentangan dengannya, terbatal.
  - D Asal segala sesuatu itu tiada.
15. Doktor diharuskan untuk melihat aurat pesakit lelaki dan wanita untuk merawat dan tujuan perubatan.
- Apakah kaedah yang perlu dipegang oleh seseorang doktor dalam melaksanakan tugasnya?
- A Kemudaratan-kemudaratan itu membolehkan tegahan-tegahan.
  - B Keadaan darurat ditentukan menurut kadarnya.
  - C Apabila sesuatu itu luas, hukum menjadi sempit.
  - D Keadaan terdesak tidak membatalkan hak orang lain.
16. Antara pernyataan berikut, yang manakah menunjukkan *rukhsah* sunat?
- A Melihat kepada bakal pengantin atau tunang.
  - B Berbuka puasa kerana keadaan cuaca panas.
  - C Melaksanakan urusan jual beli salam atau secara tempahan.
  - D Memakan bangkai dalam keadaan terdesak dan kelaparan.
17. Apakah maksud "*Al-Dharurah tubihul mahzurah*" ?
- A Apabila sesuatu itu sempit, hukumnya menjadi luas.
  - B Kemudaratan-kemudaratan itu membolehkan tegahan-tegahan.
  - C Apabila keadaan menjadi mudah hukum kembali kepada asal.
  - D Dharurat ditentukan menurut kadarnya.

18. Saluran longkang rumah En. Helmi mengalir di jalan umum sehinggakan mengganggu orang ramai. Hal ini menyebabkan En. Helmi perlu mengambil tindakan sewajarnya.

Apakah kaedah yang digunakan bagi mengatasi masalah tersebut?

- A Setiap urusan mesti disertai dengan niat.
- B Adat menjadi hukum.
- C Bahaya mesti dihilangkan.
- D Keyakinan tidak hilang dengan keraguan.

19. Antara berikut manakah **bukan** skop kaedah yang termasuk dalam kaedah "Bahaya Mesti Dihapuskan"?

- A Pelaksanaan hukum hudud.
- B Sewa-menyewa.
- C Jual beli al-arayah.
- D Khiyar syarat.

20. Malaysia merupakan negara yang mewajibkan bakal pengantin untuk menghadiri kursus pra perkahwinan dan melakukan pemeriksaan kesihatan.

Apakah sandaran kaedah bagi pernyataan di atas?

- A Adat menjadi hukum.
- B Setiap urusan mesti disertai dengan niat.
- C Bahaya mesti dihilangkan.
- D Keyakinan tidak hilang dengan keraguan.

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**Soalan 1**

- a. Nyatakan persamaan antara Kaedah Fiqh dan Kaedah Usul. (2 markah)
- b. Apakah nama kitab Kaedah Fiqh yang terkenal pada zaman mutakhir? (2 markah)
- c. Huraikan **tiga(3)** faedah mempelajari ilmu Kaedah Fiqh. (6 markah)

**Soalan 2**

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah '*al-Umur bi Maqasidiha*'? (2 markah)
- b. Jelaskan **dua(2)** hukum furu' daripada kaedah '*al-Umur bi Maqasidiha*'. (4 markah)
- c. Huraikan **dua(2)** fungsi niat dalam kehidupan. (4 markah)

**Soalan 3**

- a. Nyatakan rumusan kaedah '*al-Yakni la Yuzal Bisyak*'? (2 markah)
- b. Huraikan **dua(2)** jenis syak yang telah anda pelajari. (4 markah)
- c. Jelaskan **dua(2)** kaedah pecahan '*al-Yakni la Yuzal Bisyak*' berserta contoh daripada setiap kaedah tersebut. (4 markah)



**Soalan 4**

- a. Berikan maksud kaedah 'Kesukaran Membawa Kemudahan'.  
(2 markah)
- b. Nyatakan **dua(2)** tujuan *masyaqqah*.  
(2 markah)
- c. Huraikan **tiga(3)** jenis keringanan *rukhsah* daripada kaedah 'Kesukaran Membawa Kemudahan'.  
(6 markah)

**Soalan 5**

- a. Berikan **dua(2)** skop kaedah yang termasuk di bawah kaedah 'Bahaya Mesti Dihapuskan'.  
(2 markah)
- b. Nyatakan **dua(2)** hukum *furu'* daripada kaedah 'Bahaya Mesti Dihapuskan'.  
(2 markah)
- c. Jelaskan **tiga(3)** kaedah pecahan 'Bahaya Mesti Dihapuskan' berserta contoh daripada setiap kaedah tersebut.  
(6 markah)

**Soalan 6**

- a. Jelaskan perbezaan antara adat dengan *uruf*.  
(4 markah)
- b. Berikan **dua(2)** syarat adat yang boleh diterima sebagai sumber perundangan Islam.  
(2 markah)

- c. Tentukan jenis adat dan *uruf* berdasarkan pernyataan berikut :
- i. Pemberian mas kahwin oleh suami kepada isteri sebagai tanda penghormatan suami terhadap isteri.
  - ii. Perniagaan yang berunsurkan riba.
  - iii. Panggilan '*walid*' untuk anak lelaki.
  - iv. Perkara nazar itu wajib ditunaikan bagi sesiapa yang telah berniat nazar.

(4 markah)

**[60 MARKAH]**



**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA(2)** soalan, jawab **SATU(1)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

**Soalan 1**

*Uruf* dan adat kebiasaan itu merupakan salah satu daripada sumber hukum dalam keadaan ketiadaan nas selagi ianya tidak bertentangan dengan hukum syarak. *Uruf* dan adat ini juga adalah suatu perbuatan yang dilakukan oleh masyarakat secara berulang kali sehingga ianya kadang kala sehati dalam sesebuah masyarakat.

Huraikan secara terperinci **empat(4)** adat dan *uruf* yang dilakukan oleh masyarakat Malaysia.

(20 markah)

**Soalan 2**

Kaedah Fiqh (المشقة تجلب التيسير) yang bermaksud 'Kepayahan membawa kemudahan' merupakan kaedah yang berkaitan dengan hukum *rukhsah* di mana apabila terdapat sesuatu kesusahan atau kesulitan dalam menunaikan dan melaksanakan perintah Allah, perintah itu diringankan, tidak seperti asalnya.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan secara terperinci **lima(5)** sebab *rukhsah* dalam kehidupan.

(20 markah)

[20 MARKAH]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

